

ADAKAH NAHU BAHASA MELAYU MENURUT ACUAN SENDIRI?

Mohd Tarmizi Hasrah
mijihasrah@gmail.com

Pengenalan

Judul makalah ini terinspirasi daripada karya terbaharu Shaharir (2012). Karya tersebut, dengan kelihan secercah mata, membahaskan perihal penyanggahan terhadap pegangan golongan yang mendakwa bahasa sendiri tidak lagi berupaya menjana ilmu yang kontemporer sifatnya. Justeru, harus ditinggalkan, dan dicarikan gantinya. Namun ironinya, menurut golongan itu pengganti yang ada bukan lagi pilihan, tetapi itulah satu-satunya. Maka, perlu beralih kepada bahasa yang dianggap jaguh dalam keilmuan dunia pada masa kini, bahasa Inggeris. Di karya itu pengarang cuba menampilkan bukti-bukti konkrit dalam bidang sains-matematik yang menunjukkan betapa songsangnya pegangan sebegini kerana ternyata bahasa yang dianggap hanya bersifat pinggiran dan pedalaman sebenarnya amat kaya malah berupaya menjadi senjata kritikan yang berinovasi terhadap ilmu kontemporer.

Makalah ini dengan judul yang terpapar seperti di atas itu mengandungi semangat yang sejalur dengan karya Shaharir yang dirumuskan secara ringkas itu. Penulis berhajat untuk menelusuri tema yang hampir sama tetapi dengan pengkhususan dalam ilmu linguistik, tentunya linguistik bahasa Melayu, iaitu dengan memparafrasakan takrif ilmu Melayu sebagai suatu ilmu yang memeri dan menganalisis bahasa Melayu yang ditulis dalam bahasa Melayu oleh orang Melayu.

Jika Shaharir cuba melihat apakah ilmu beracuan sendiri sudah berakhir atau masih berlanjutan, ini membawa erti bahawa ilmu dalam acuan sendiri memang telah sedia wujud dalam kebudayaan Melayu. Namun disebabkan semakin berakarnya penghayatan terhadap pegangan songsang golongan yang disebut di atas, justeru berasa terpanggil untuk menulis karya tersebut bagi melihat sama ada ilmu sedemikian telah pun ditalqinkan atau masih lagi bernafas seperti sedia kala atau sebenarnya bernafas dengan nuansa yang lebih bitara. Sedangkan melalui judul makalah ini yang sebegini rupa, penulis membawa bayangan suatu keadaan yang masih berlegar-legar dalam ruang ketidakpastian mengenai keberadaan ilmu acuan sendiri itu dalam linguistik bahasa Melayu. Oleh sebab itulah nuansa judul makalah ini berpanoramakan suatu pencarian yang belum berkesudahan malah belum pun pasti bagaimana kesudahan atau hasil akhirnya.

Orang yang sedang mencari akan menyelongkar di sana-sini dengan harapan agar ditemui sesuatu yang dicarinya itu. Sehubungan itu, dapatlah dikatakan bahawa pencarian bererti juga melakukan kegiatan penyelongkaran. Dengan kata lainnya untuk mencari sesuatu yang hilang atau yang masih belum diketahui lagi saripatinya sama ada saripati itu benda atau bukan benda sememangnya memerlukan perbuatan menyelongkar–menyelak, menguis, menyapu, merenung, *tadabbur* dll.; boleh jadi perbuatan menyelongkar itu bersifat zahir dan/atau batin atau kedua-duanya sekali gus bergantung kepada saripati yang dicari itu; jikalau saripati itu benda zahir, tampak, maka perbuatan menyelongkar itu mestilah menggunakan panca indera yang lima kerana melibatkan benda dalam alam empirikal; namun, jikalau saripati itu benda batin, tidak tampak dek panca indera yang lima, atau benda

dalam alam rasional dan kejiwaan, maka perbuatan menyelongkar perlulah melibatkan kegiatan berfikir, merenung, *tadabbur*, rasa dll.

Disebabkan pembawaan makna yang terkandung dalam perbuatan mencari adalah sedemikian rupa, maka secara tidak langsungnya makalah ini pun memperlihatkan suatu kecenderungan penerokaan ke alam grafisejarah linguistik bahasa Melayu sebagai manifestasi kegiatan “mencari” itu. Penerokaan grafisejarah yang penulis maksudkan adalah dalam pengertiannya yang agak longgar, iaitu yang terkandung dalam kegiatan pencarian tersebut yang memerlukan penyelongkaran segala khazanah dan kepustakaan linguistik bahasa Melayu yang silam untuk ditafsir dan digodak-godakkan bagi memenuhi matlamat yang telah ditetapkan untuk pencariannya. Walau bagaimanapun, timbul persoalan di sini: apakah matlamat pencarian seperti yang berkali-kali disebut-sebut itu? Ini memerlukan penolehan semula kepada judul makalah dan juga tema karya sumber yang menginspirasikannya.

Acuan Sendiri dan Nahu Bahasa Melayu

Membaca judul makalah ini, barangkali dengan sekali imbas sahaja, masih juga berupaya menjelmakan matlamat pencarian yang ditimbulkan di atas. Ternyata matlamatnya adalah untuk mencari apakah ada dipakai acuan sendiri dalam pembinaan nahu bahasa Melayu? Judul makalah ini juga mengandungi dua perkara yang menuntut penjelasan lanjut sebelum penulis bersilat di dalam gelanggang perbincangan. Pertama, acuan sendiri. Kedua, nahu bahasa Melayu.

Mari kita lihat yang pertama. Sebelum penulis menjelaskan makna acuan sendiri, ada hal lain yang perlu dijelaskan terlebih dahulu, iaitu sifat yang dimiliki oleh “acuan.” Umum mengetahui bahawa sifat acuan adalah seperti bekas dan/atau lingkungan yang menampung sesuatu agar tidak terkeluar dari batasan atau lingkungannya. Sesuatu yang ditampung itu pula bersifat lentur kerana dipengaruhi oleh bekas atau lingkungan yang melahirkannya; jika bulat, maka bulatlah sesuatu itu; jika panjang, maka panjanglah sesuatu itu. Demikianlah perbandingan sifat acuan dengan sesuatu yang ada hubungan kebendaan.

Bagaimana pula sifat acuan untuk sesuatu yang lebih besar dan niskala, misalnya ilmu? Acuan untuk hal-hal sebegini sinonim dengan kepercayaan dan anutan seseorang kerana peranannya sebagai penzahir segala perlakuan fizikal dan kejiwaannya. Yang dimaksudkan dengan kepercayaan dan anutan itu boleh jadi bermacam-macam antaranya agama, ideologi, paradigma, budaya dll.

Sehubungan itu, secara kasarnya, acuan sendiri merujuk kepada suatu ilmu yang dijana dan dirumuskan menerusi kebudayaan yang dihayati oleh penjana dan perumus ilmu berkenaan; kebudayaan di sini ditakrifkan bukan yang lazim difahami oleh masyarakat sekarang sebagai adat resam dan kelaziman sesebuah masyarakat tetapi merupakan sesuatu yang di dalamnya terkandung agama dan kepercayaan, bahasa, seni dan persuratan, serta yang terpentingnya ilmu. Misalnya, yang dikatakan ilmu acuan Jerman, mestilah suatu ilmu yang dijana dan dirumus oleh seseorang berkebudayaan Jerman; begitu juga dengan ilmu beracuan Melayu adalah ilmu yang terhasil daripada benih kebudayaan Melayu yang dijana dan dirumus oleh seseorang yang menghayati kebudayaannya. Namun, huraian yang diberi menyembulkan persoalan lain pula, iaitu bagaimanakah menentukan sesuatu ilmu itu milik sesebuah kebudayaan? Persoalan rumit ini dibincangkan dengan panjang lebar oleh Shaharir

juga dalam kedua-dua buah karya yang telah dirujuk itu. Bagi beliau, penentuan kepemilikan sesuatu ilmu tiada lain daripada bahasa wahana pengungkap ilmu berkenaan. Ertinya, berdasarkan contoh di atas, ilmu milik kebudayaan Jerman diungkapkan dalam bahasa Jerman; manakala, ilmu milik kebudayaan Melayu diungkapkan dalam bahasa Melayu.

Kedua, sistem nahu. Nahu, daripada bahasa ‘Arab *nahw*, atau bahasa Melayu bercampur bahasa Sanskritnya, tatabahasa; namun makna kata nahu dalam bahasa Melayu menjadi lebih umum berbanding makna dalam bahasa asalnya, bahasa Arab, iaitu *nahw* itu yang hanya merujuk kepada salah satu daripada tiga kaedah pembelajaran bahasa Arab. Tatabahasa adalah unsur-unsur yang terkandung dalam bahasa dan membentuk sistem bahasa berkenaan. Memang, dengan berpedomankan kepada Ferdinand de Saussure kerana, jika menurut Koerner (2004), beliau adalah yang mula-mula melihat bahasa sebagai sebuah sistem “*ou tout se tient*,” iaitu bahasa sebagai sistem aturan rumus, atau ringkasnya, bahasa adalah suatu sistem sahaja.

Apakah sistem tersebut? Secara mudahnya, yang dikatakan sistem itu dapat diperhatikan dalam dua keadaan. Pertama, dalam sebuah perkataan dan ayat. Kedua, dalam sebuah wacana utuh (perenggan, esei, atau sebuah buku); yang pertama digelar juga sintagmatik; manakala yang kedua pula digelar paradigmatic. Sistem dalam maksud yang pertama adalah hubungan mendatar antara bunyi/aksara-morfem/perkataan-ayat. Sedangkan, sistem dalam maksud yang kedua pula adalah hubungan menegak antara deretan ayat yang membentuk sebuah wacana utuh. Walau bagaimanapun, dalam makalah ini, sistem nahu hanya merujuk kepada sistem yang pertama, iaitu hubungan mendatar unsur-unsur yang membentuk sebuah ayat.

Dalam pada itu, renungan terhadap huraian mengenai acuan sendiri dan sistem nahu di atas jikalau dikenakan pada ilmu linguistik bahasa Melayu akan menghasilkan suatu persoalan lain pula: bagaimanakah bentuk sistem nahu bahasa Melayu yang dibina berasaskan acuan kebudayaan Melayu? Dari satu segi, persoalan ini tidak berkaitan kerana jikalau ditanyakan juga bererti sudah ada kepastian mengenai keberadaannya. Sedangkan, hal itu pula bertentangan dengan judul makalah, seperti yang penulis utarakan sebelum ini, yang membayangkan sesuatu yang masih belum pasti. Namun, dari segi yang lain pula, penulis masih belum ada jawapan untuk persoalan itu kerana memang mauduk makalah ini untuk menerangi kegelitannya. Sebetulnya, penulis perlu mengubah persoalan tadi, membawanya kembali menghayati persoalan yang menjadi judul makalah ini.

Pembawaan makna judul makalah yang bernuansakan pencarian sistem nahu beracuan sendiri secara tidak langsung memaksa penulis untuk melihat keadaan “seni penciptaan nahu,” meminjam istilah Azhar Simin (1993), bahasa Melayu yang sedia ada. Adakah acuan sendiri dalam seni tersebut? Inilah persoalan penting yang perlu diutarakan di sini. Jikalau penulis menerima bahawa ilmu linguistik kontemporer yang disebarkan ke seluruh dunia diasaskan dalam tradisi barat, dan ilmu inilah yang menjadi teras pembinaan nahu bahasa Melayu, justeru dengan demikian keadaannya, maka wajarlah persoalan mengenai ada atau tidaknya nahu beracuan sendiri dilontarkan kerana jelas-jelas nahu yang dibina dalam konteks sekarang beracukan ilmu linguistik yang tunjangnya berada di barat sana dan berasaskan tradisi nahu barat. Tujuan penulis menimbulkan persoalan ini bukan untuk menolak nahu bahasa Melayu yang dibina oleh para bahasawan kita yang diterima tanpa gugatannya sekarang ini. Sebaliknya, persoalan ini penulis timbulkan supaya

bersesuaian dengan matlamat makalah ini. Logikanya, untuk menjejaki nahu beracuan sendiri, maka penulis perlu bertolak pada nahu bahasa Melayu yang dibina berasaskan terasnya yang terpasak kemas dalam kebudayaan Melayu. Namun, adakah nahu yang sifatnya sedemikian? Jujurnya, penulis masih belum pasti. Akan tetapi, marilah kita menjejakinya bersama-sama.

Tradisi yang Mana?

Memandangkan keadaan ilmu linguistik bahasa Melayu kontemporer seperti yang telah dinyatakan di atas, justeru bagaimanakah keberadaan sistem nahu bahasa Melayu beracuan sendiri boleh dijejaki? Seperti yang diutarakan oleh ramai sejarawan, ilmu linguistik di Malayonesia bukanlah sesuatu yang baharu, malah sejak mekarnya kebudayaan Hindu-Buddha dengan pengajaran dan pengkajian tatabahasa Panini, misalnya di Kemboja (Sharan 1974); Alinor (2012) juga ada membincangkan mengenai penguasaan beberapa segi ilmu falsafah bahasa oleh salah seorang raja Minangkabau, Adityawarman. Keberadaan tradisi ilmu linguistik berterusan sehinggalah ke zaman Islam dan zaman penjajahan atau, lebih umumnya, dengan meminjam istilah Anthony Reid (1992) dalam karya dua jilid beliau, dalam “kurun niaga.” Dalam zaman yang digelar Reid sebagai kurun niaga, dan selepasnya, zaman penjajahan, itulah yang lebih bersemarak dengan karya-karya mengenai bahasa Melayu terutamanya oleh orang-orang barat (Collins 2005).

Kita harus bertolak daripada tradisi linguistik yang dinyatakan untuk menjejaki sistem nahu beracuan sendiri. Akan tetapi, hakikat sejarah Alam Melayu tidak boleh dikesampingkan apabila menyentuh mengenai perkara ini. Hal ini kerana hakikat sejarah tersebut telah merupa-citakan penjelmaan zahir dan batin tamadun dan umat Melayu. Bermula dengan animisme, kemudian Hindu-Buddha, Islam, zaman penjajahan, kemerdekaan, pascakemerdekaan, dan pensejagatan, menjelmakan penghayatan yang berbeza-beza mengenai hubungan umat Melayu dengan Tuhan (terutamanya berkait dengan zaman-zaman yang awal), manusia, alam dan ilmu; perihal penghayatan terhadap ilmu misalnya yang tidak tekal oleh umat Melayu ada dihuraikan dengan mendalam oleh Shahrir (2012b, 2013) dengan tema ketakterlestarian kebudayaan dan ilmu. Setiap zaman itu ada kepustakaan karya-karyanya sama ada yang tertulis pada lembar-lembar kertas, kayu, daun dll. atau terpahat pada kepingan dan ketulan batu-batan, yang dari satu sisinya mengandungi pembawaan penghayatan nilai zaman-zaman tersebut.

Dengan menyedari hakikat tersebut, maka untuk menjejaki nahu bahasa Melayu berparadigma sendiri, penulis harus membuat pembatasan zaman. Barangkali ianya merupakan sesuatu yang baik juga bahawa tamadun Melayu, dalam zaman Islam terutamanya, tidak memiliki sejarah tradisi penulisan dan penaskahan yang berkesinambungan tetapi terputus-putus; batu bersurat bertulisan Jawi pertama ditemui setakat ini bertarikh 1303, dan manuskrip Jawi pertama pula bertarikh 1596 (walaupun ada manuskrip bertulisan Kerinci lebih jauh awalnya daripada tarikh ini seperti yang dibuktikan Uli Kozok). Lihatlah, perbezaan yang menjangkau 293 tahun! Tidak ditemui batu bersurat, melainkan batu nisan, dan manuskrip dalam jeda masa tersebut melainkan dua pucuk surat oleh Sultan Abu Hayat, sultan Ternate dan Tidore, kepada pemerintah Portugis pada 1521 dan 1522 yang mengadu perihal tingkah laku para pedagang Portugis di kawasan baginda.

Dari segi penulisan mengenai hal-hal kebahasaan pula secara umumnya boleh dikatakan bermula dengan daftar kata Melaka-China (*Man La Jia Guo Yi Yu*) yang dikatakan

ditulis di antara tahun 1403-1511 oleh seorang *tongshi* Dinasti Ming yang ikut serta dalam pelayaran muhibah Cheng Ho selain daftar kata yang dicatat oleh Antonio Pigafetta pada 1521. Akan tetapi, selepas kedua-dua daftar kata itu, penulisan mengenai bahasa Melayu terhenti malah dalam jeda masa yang agak panjang kerana karya seterusnya hanya terbit pada akhir abad ke-17 oleh Frederick de Houtman. Selepas Houtman, banyak karya mengenai bahasa Melayu yang terus-menerus terbit pada abad-abad selepasnya. Walau bagaimanapun, kesemua penulisan yang awal-awal ini dikarang oleh orang luar terutamanya dari Belanda dan Inggeris termasuk juga China. Masalah dengan karya-karya tersebut untuk dikaji di sini adalah disebabkan premis yang dipegang oleh penulis iaitu nahu beracuan sendiri.

Pada hemat penulis, nahu sebegini hanya akan dapat dijejaki dalam sebarang penulisan oleh penutur asli bahasa berkenaan. Dan, jikalau dihubungkan dengan perbincangan makalah ini, tentulah oleh penutur asli bahasa Melayu. Jikalau penulisnya bukan penutur asli bahasa Melayu seperti yang terdapat dalam karya-karya yang diterbitkan dalam zaman-zaman yang dinyatakan di atas, dibimbangi nahu yang ditulis itu akan terpengaruh dengan bahasa asli penulisnya. Kenyataan ini memang telah pun terbukti dalam nahu-nahu bahasa Melayu yang muncul pada abad 17, 18, dan 19 itu yang dipengaruhi oleh bahasa-bahasa Eropah seperti yang dikemukakan oleh Collins (1996) dan Karim (2006) dalam tulisan mereka. Jadi, jika demikianlah hakikat sejarahnya, maka di manakah kita harus bermula?

Mujurlah dalam tahun 1850-an, di Pulau Penyengat, Riau, muncul seorang bahasawan watan yang menulis dua buah karya mengenai bahasa Melayu. Beliau ialah Raja Ali Haji (selepas ini diringkaskan kepada RAH sahaja). Beliau diakui oleh majoriti sarjana, bahasawan dan sejarawan, tanpa ada sebarang bantakan, sebagai orang Melayu yang pertama menulis karya nahu bahasa Melayu. Fakta ini ternyata memang masih belum tergugat, justeru kita boleh menerimanya dengan berlapang dada. Setelah RAH menulis dua buah karya tersebut, maka bermulalah tradisi penulisan nahu bahasa Melayu oleh orang Melayu sendiri. Maka itu, kita sudah mempunyai titik masa untuk memulakan penerokaan, iaitu pertengahan abad ke-19, dengan kedua-dua buah karya RAH sebagai penandanya.

Namun, terdapat masalah lain yang masih berhubungan dengan persoalan masa. Jika pertengahan abad ke-19 sebagai titik permulaan, maka di mana pula titik penamatnya? Atau, tidak ada penamat sama sekali? Tidak mungkin, kerana seperti yang penulis nyatakan sebelum ini bahawa ilmu linguistik kontemporari memang semuanya bertunjangkan tradisi dari Barat. Justeru itu, titik penamat seharusnya dicari.

Titik penamat, sebagaimana titik permulaan, perlu dinyatakan dengan jelas. Hal ini disebabkan tanggapan yang penulis utarakan sebelum ini bahawa pada titik-titik tertentu dalam perkembangan ilmu linguistik bahasa Melayu bersemaraknya kemasukan aliran linguistik dari barat yang akhirnya mendominasi, dan mematikan tradisi sedia ada (jikalau makalah ini berjaya membuktikan adanya tradisi tersebut!). Dengan menoleh semula kepada tanggapan ini membuatkan penentuan titik penamatnya menjadi semakin mudah, iaitu dengan menjadikan masa ilmu linguistik kontemporari itu diajar di negara ini. Fakta yang tercatat ialah sekitar tahun-tahun 1960-an, di Universiti Malaya, ilmu linguistik tersebut diajar kepada para mahasiswa; malah, dalam jangka masa tersebutlah anak Melayu pertama memperoleh Ph.D dalam bidang linguistik di England. Dengan itu, bermulalah zaman linguistik baharu di Malaysia. Hasilnya, sistem nahu yang dibina melalui tradisi sebelumnya digantikan dengan

sistem nahu yang dianggap ‘moden’ dengan menerapkan teori-teori, antara lainnya seperti nahu berdaya penjana (terjemahan Shahrir untuk nahu transformasi generatif), struktural dan wacana, sehingga mewarnai dunia pendidikan di negara ini, lantas mematikan pendidikan berasaskan nahu binaan tradisi sebelumnya dalam dunia tersebut termasuklah nahu binaan Za’ba.

Isu titik mula dan titik penamat kelihatannya sudah selesai; titik mulanya sekitar 1850-an dan berakhir sekitar tahun 1960-an, memakan masa lebih sebab, atau lebih kurang 110 tahun, satu tradisi yang boleh dikatakan agak lama, bahkan hampir menyamai usia Tamadun Melaka. Seperti yang penulis nyatakan dalam perenggan-perenggan di atas, pewajaran tahun 1850-an sebagai titik permulaan kerana dalam tempoh tersebut munculnya karya nahu pertama dikarang oleh orang Melayu, dan 1960-an sebagai titik akhir kerana dalam tahun tersebut ilmu linguistik kontemporer diajar di Malaysia yang mematikan tradisi nahu yang dibina selama 110 tahun tersebut melalui ukuran pendidikan di sekolah dan apa-apa insituisi sekalipun. Sekarang penulis akan menumpukan perhatian ke dalam masa 110 tahun itu.

Hipotesis dan Andaian

Penulis berhipotesis bahawa nahu bahasa Melayu yang dibina oleh para bahasawan watan sepanjang 110 tahun itu adalah nahu yang beracuan sendiri. Hipotesis ini berdasarkan sekurang-kurangnya pada dua andaian. Pertama, tidak ada teori atau pendekatan berasaskan ilmu linguistik asing yang diajar secara rasmi di Alam Melayu sama ada sebelum atau dalam jangka masa tersebut untuk mengajar bahasa Melayu. Jikalau demikianlah andaiannya, maka bagaimanakah nahu bahasa Melayu ketika itu dibina? Ini membawa kepada andaian kedua, iaitu para bahasawan membina nahu menggunakan model yang dibangunkan sendiri berasaskan kefahaman dan pemerhatiannya sebagai penutur natif bahasa tersebut. Penulis akan menguji kesahihan hipotesis dan ketepatan andaian yang dilontarkan dengan menganalisis secara umum dan ringkas mengenai pengelasan kata yang secara tidak langsungnya berkait dengan pembentukan ayat dalam karya nahu oleh dua orang bahasawan watan yang terkenal: pertama, RAH dengan dua buah karya beliau, *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1850) dan *Bustan al-Katibin* (1857); dan, kedua, Haji Md. Said Haji Suleiman (selepas ini diringkaskan hanya kepada HASMAN), tokoh penting Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor (P.Bm.P.B. Diraja), dengan karya beliau berjudul *Jalan Bahasa Melayu* (1937).

Tentunya setiap hipotesis ada lawannya. Ini adalah kelaziman dalam tatakaedah dunia keilmuan. Pengujian yang akan dilakukan dalam makalah ini akan membuktikan dua perkara. Jikalau bukan hipotesis yang dilontarkan di atas terserlah dalam pengujiannya, iaitu nahu yang muncul dalam karya-karya yang dinyatakan di atas bukan beracuan sendiri, maka hipotesis yang berlawanan ini menuntut penjelasan mengenai faham acuan sendiri, atau pendekatan/model, yang dipegang oleh pengarang-pengarangnya untuk membina nahu bahasa Melayu. Jikalau hipotesis dalam perenggan di atas terbukti, maka suatu kesimpulan boleh dibuat bahawa Alam Melayu juga memiliki tradisi ilmu linguistik yang tersendiri sehingga berupaya memodelkan nahu bahasanya sendiri tanpa penolehan dan bantuan daripada teori dan pendekatan bahasa lain. Selain menguji hipotesis, penulis juga akan melihat satu persoalan yang lebih asasi lagi, iaitu apakah dengan nahu dalam erti kata yang

dijelaskan sebelum ini dapat dijadikan bukti keberadaan ilmu linguistik yang beracuan serta akrab dengan kebudayaan sendiri?

Pengelasan Kata RAH

Barangkalinya latar belakang RAH tidak perlu diulang di sini kerana telah banyak terdapat dalam karya-karya sejarah, persuratan dan bahasa; untuk mengenali beliau, boleh dicari di dalam karya-karya tersebut. Dalam bahagian ini, penulis akan memaparkan kaedah-kaedah nahu yang dibina oleh RAH di dalam dua buah karya beliau yang dinyatakan sebelum ini, iaitu *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang selesai dikarang pada 1850 tetapi dicetak buat pertama kali pada 1930 dan *Bustan al-Katibin* yang selesai dikarang pada tahun 1857. Walaupun dua buah kitab yang berbeza (termasuklah dari segi ketebalannya), namun sebahagian besar kandungannya membincangkan perkara yang sama, dan dengan kaedah yang sama, iaitu sistem nahu bahasa Melayu; sedikit perbezaan untuk *Kitab Pengetahuan Bahasa* kerana memuatkan lebih separuh daripada jumlah muka suratnya dengan kamus bahasa Melayu yang, menurut A. Teeuw (1960), bersifat eksikopedik (dengan nada penilaian yang agak negatif), yang disusun oleh RAH ketika menjadi pemaklum (informan), yang akhirnya menjadi sahabat baik kepada Von der Wall dan Van der Tuuk untuk menyusun kamus Belanda-Melayu (Putten & Azhar 2005). Perikut dipaparkan dua kaedah nahu bahasa Melayu yang dibina RAH di dalam kedua-dua buah karya tersebut.

1. *Isim*/Kata Nama (KN)

- Maksud KN, pada RAH, "...adalah nama tiap-tiap barang yang menunjukkan ma'na pada dirinya, tiada berserta dengan masa yang tiga, ya'ni masa yang telah lalu dan masa yang lagi akan datang dan masa hal sekarang yang engkau di dalamnya" (14).

a. *Isim Nakirah*/KN tak tentu.

- boleh juga disamakan dengan KN am yang difahami sekarang; atau, "nama yang melengkap pada jenisnya yang melengkap pada maknanya yang tiada tertentu kepada seseorang." Contohnya: Zaid, Umar dan Abu.

b. *Isim Ma'rifah*/KN tentu.

i. *Isim damir*/Kata ganti nama; atau, "nama yang tersembunyi." Contohnya: aku, kami, engkau, dia.

ii. *Isim al-'alam*/KN khas; atau, "nama yang diketahui." Contohnya nama orang, nama negeri dll.

iii. *Isim al-isyarah*/Kata tunjuk; atau, "tiada ditentukan akan dia tetapi diisyaratkan." Contohnya: itu, ini, di sini dan di situ.

iv. *Isim mausul*/Kata ganti nama relatif. Contohnya, penggunaan 'yang' dalam 'yang ini' dan 'yang laki-laki.'

v. *Isim idafah*/Kata sandaran; atau, "nama yang bersandar kepada sesuatu nama." Contohnya, penggunaan 'si' dalam 'budak si zaid.'

2. *Fi'il*/Kata Kerja (KK)

a. *Fi'il Madi*/KK kala lepas; atau, perbuatan yang telah lalu. Contohnya: 'telah, 'sudah.'

b. *Fi'il Lazim*/KK tak transitif; atau, "*fi'il* tetap bagi dirinya."

c. *Fi'il Muta'addi*/KK transitif; atau, "*fi'il* yang telah lalu kepada dirinya."

- i. Tiada *musyawarah*; atau bersekutu/bercampur/bertindih.
 - perbuatan tunggal, hanya melibatkan subjek. Contohnya: ‘telah mencampur si Zaid’ dan ‘telah memarah si Zaid.’
 - ii. *Musyawarah* pada perbuatan; atau, perbuatan menyalang.
 - perbuatan berulang-ulang, boleh jadi melibatkan orang lain. Contohnya: ‘berpukul-pukulan si Zaid’ dan ‘berpanah-panahan.’
 - d. *Fi’il Mudari*/KK kala depan. Contohnya: ‘sedang’ dan ‘nanti’ dan ‘akan.’
 - e. *Fi’il Amr*/KK suruhan. Contohnya: ‘palu olehmu,’ ‘perbuat olehmu,’ dan berdirilah engkau.’
 - f. *Fi’il Naqis*/KK defektif yang memerlukan predikat; atau, kata kerja defektif yang memerlukan khabar (predikat) sebagai pelengkap. “*Fi’il* ini kurang, ya’ni tiada sempurna ia melainkan ada khabarnya.” Contohnya: ‘adalah si Zaid itu berdiri,’ dan ‘jadilah tanah itu tembikar.’
 - g. *Fi’il Muqarabah*/KK bantu hampir; atau, “*fi’il* yang berhampir-hampiran.” Contohnya: ‘mudah-mudahan si Zaid itu keluarlah’ dan ‘hampirlah si Zaid itu keluar.’
 - h. *Fi’il* ‘puji’ dan ‘cela.’ Contohnya: ‘sebaik-baiknya’ dan ‘sejahat-jahatnya.’
 - i. *Fi’il qulub*/*fi’il syak*/*fi’il yakin*. Contohnya: ‘rasa,’ ‘harap,’ dan ‘barangkali.’
3. *Harf*/Partikel/Kata Tugas
- a. *Harf* yang ada ma’na dan boleh berdiri sendiri serta memberi faedah pada ma’na dan perkataan. RAH memberikan lebih kurang sepuluh jenis untuk harf ini yang meliputi contoh-contoh (tanpa dibuat penjenisan yang terperinci) antaranya termasuklah *harf* seru sebagaimana kata seru yang difahami sekarang, *harf* ‘melainkan,’ *harf* ‘bahawa,’ *harf* ‘seolah-olah,’ *harf* ‘tetapi’ dan *harf* ‘elok kiranya.’
 - b. *Harf jarr* yang hanya memberi faedah pada ma’na dan perkataan; atau, menyamai kata depan/sendi nama/preposisi yang difahami sekarang. Contoh yang diberikan RAH, antara lainnya, *harf* ‘dengan,’ *harf* ‘daripada,’ *harf* ‘kepada’ dan *harf* ‘pada.’

Pengelasan Kata HASMAN

HASMAN boleh dikatakan sebagai bahasawan yang sangat produktif. Selain karya yang akan penulis utarakan di sini, beliau juga ada menulis beberapa buah karya lain untuk persatuannya, P.Bm.P.B, bagi memantap dan mengayakan bahasa Melayu antara lainnya seperti *Penokok dan Penambah dalam Bahasa Melayu*, *Perkataan-Perkataan Berangkap*, *Perian Basa dan Tanda-Tanda Bagi Perhentian*. Walau bagaimanapun, penulis tidak akan menyentuh mengenai karya-karya yang dinyatakan itu termasuk juga latar belakang HASMAN kerana tidak berkaitan dengan makalah ini. Penulis hanya akan menumpukan nahu bahasa Melayu HASMAN yang beliau utarakan di dalam karya beliau yang berjudul *Jalan Bahasa Melayu* sahaja iaitu seperti di bawah.

- 1. Nama
 - gelaran atas sesuatu zat atau keadaan. Contohnya: budak, Awang, rumah dll.
 - a. Ganti nama

- perkataan yang menggantikan nama supaya tiada berulang menyebutnya. Contohnya: saya, engkau, kamu, dia dll.
- 2. Perbuatan
 - perkataan yang menceritakan atau memerikan kerja yang dibuat oleh nama atau ganti nama. Contohnya: balik, buat, duduk dll.
 - a. Rupa nama
 - perkataan yang ditambah kepada nama supaya menyatakan sifatnya atau keadaannya bagi membezakan daripada yang lain. Contohnya: hitam, putih, ini, banyak, sedikit dll.
 - b. Rupa kata
 - perkataan yang ditambah kepada sesuatu perbuatan supaya menerangkan bagaimana keadaan perbuatan itu. Contohnya: sedap, benar, sangat ramai, deras, semua dll.
- 3. Sendi nama
 - perkataan yang menyambungkan nama atau ganti nama yang dikunci atau ditakluknya itu dengan perkataan lain dalam perenggan kata itu, sama ada perkataan lain itu perbuatan rupa nama, nama atau ganti nama. Contohnya: di, ke, pada, kepada dll.
- 4. Sendi kata
 - perkataan yang menghubungkan perkataan atau perenggan kata. Contohnya: dan, tetapi, jika, jikalau, maka dll.
- 5. Seruan
 - perkataan melafazkan perasaan yang serta-merta. Contohnya: dengar, aduh, wahai dll.
- 6. Ibu kata
 - perkataan-perkataan jadi kepala-kepala perenggan kata dalam rencana Melayu; atau, dalam istilah linguistik kontemporer digelar penanda wacana. Contohnya: alkisah, sebermula, syahadan dll.

Perbandingan Pengelasan Kata RAH dan HASMAN

Jikalau dibuat perbandingan antara pengelasan kata RAH dengan HASMAN ternyata perbezaannya begitu menonjol sekali. Berdasarkan rumusan pengelasan kata RAH di atas, ternyata beliau beranggapan bahawa bahasa Melayu hanya memiliki tiga jenis kelas kata, iaitu yang diistilahkan oleh RAH sebagai *isim*, *fi'il* dan *harf*; manakala, HASMAN pula mengutarakan enam kelas kata bahasa Melayu, nama, perbuatan, sendi nama, sendi kata, ibu kata dan seruan. Dari satu sisi, jikalau dilanjutkan perbandingan dengan pengelasan kata yang lebih kontemporer seperti yang terdapat di dalam karya-karya nahu terkini, ternyata menunjukkan bahawa pengelasan HASMAN lebih terperinci. Hal ini kerana beliau memisahkan kelas kata utama (nama dan perbuatan) dengan kata fungsi walaupun kata sifat, atau istilah HASMAN rupa kata, digabungkan sekali dengan perbuatan kerana kata sifat itu, pada HASMAN, sering bertempel dengan perbuatan. Sebaliknya, RAH melakukan pengelasan kata dengan cara yang lebih umum hanya kepada tiga kelas itu. Sambil RAH tetap memisahkan kelas kata utama, beliau juga, seperti HASMAN, memasukkan kata sifat ke dalam kelas kata kerja. Kelas kata-kelas kata selain yang tergolong dalam kelas *isim* dan *fi'il* dilonggokkan ke dalam kelas *harf*, atau yang digelar oleh penahu kontemporer sebagai

kata fungsian, yang tidak membawa makna yang khusus melainkan berperanan sebagai penyempurna sesebuah ayat.

Nahu Bahasa Melayu yang Beracuan Sendiri?

Bahagian ini adalah bertujuan untuk menelusuri pertanyaan inti makalah ini: apakah nahu yang dilihat dari segi pengelasan kata oleh RAH dan HASMAN yang dipaparkan di atas boleh dikatakan sebagai nahu beracuan sendiri? Jika benar beracuan sendiri, maka (i) apakah tunjang yang membina acuan itu? Sebaliknya, jika tidak beracuan sendiri, dan ini bertentangan dengan hipotesis yang cuba diuji oleh makalah ini, maka (ii) apakah sebabnya demikian? Kedua-dua pertanyaan (i) dan (ii) ini akan dibincangkan dalam bahagian selanjutnya.

RAH dalam kedua-dua karyanya memakai istilah dan contoh ayat bersumberkan bahasa Arab. Ini bererti teori dan kaedah nahu bahasa Arab adalah sumber kepada pembinaan nahu bahasa Melayu beliau. Hashim Musa (2010) benar tatkala menulis dalam pengenalan kepada edisi karya agung kedua-dua karya RAH tersebut bahawa disebabkan RAH arif dalam ilmu keislaman dan nahu bahasa Arab maka tidaklah menghairankan jika kaedah dan teori yang dibina oleh para penahu bahasa tersebut menjadi pedoman beliau untuk membina nahu bahasa Melayu. Persoalannya, mengapakah bahasa Arab? Persoalan ini secara tidak langsungnya akan terjawab apabila hubungan Islam dengan Melayu diselak.

Bahasa Arab adalah bahasa Islam. Maka, pada andaiannya, menghubungkan bahasa Melayu dengan bahasa Arab secara tidak langsungnya menjelmakan sifat keislaman bahasa Melayu, atau dalam istilah al-Attas (1972) bahasa Melayu yang telah diislamkan. Walaupun maksud al-Attas mengenai pengislaman bahasa Melayu berkait dengan pengislaman makna sesebuah perkataan yang beliau sebut sebagai istilah kunci. Namun, berdasarkan karya-karya RAH, dapat dibuat andaian bahawa, pada RAH, pengislaman tersebut tidak terhenti pada takat makna, malah menjengah pada struktur nahu bahasa Melayu. Ertinya, boleh dikatakan bahawa pengislaman bahasa berdasarkan karya RAH juga bermakna pengaraban bahasa, iaitu menjadikan bahasa Melayu seperti bahasa Arab meliputi struktur dan maknanya. Maka itu, acuan sendiri dalam nahu bahasa Melayu RAH adalah acuan Arab-Melayu-Islam.

Bagaimana pula dengan HASMAN? Mujurlah HASMAN tidak seperti RAH kerana beliau menyatakan secara jelas kaedah yang dipakai dalam bahagian pengenalan karyanya. Jadi, penulis akan merujuk terus pada bahagian itu. Mengenai perkara ini, suatu hal yang paling mencolok ialah HASMAN menolak nahu RAH secara terang-terangan walaupun tanpa menyebut nama kerana menurut beliau:

“...nahu arab itu jika dijadikan kiasan apatah lagi tauladan lazim ter cenderung kepada ((melayu kitab)) sebab tiap-tiap satu ayat atau perenggan kata Arab dengan senang boleh digantungkan maknanya dan diikuti susunan perkataannya dengan orang Melayu boleh mengerti maksudnya tetapi apa jadi Melayunya itu hilang semangat dan kacac Melayunya terkecuali orang yang mahir Melayunya.” (xxiv)

Berdasarkan petikan di atas, HASMAN menolak pembinaan kaedah nahu bahasa Melayu berasaskan nahu Arab kerana struktur nahu bahasa itu tidak alamiah dengan bahasa Melayu. Jadi apakah jalan penyelesaian yang beliau ambil? Pada HASMAN, harus

berpedoman kepada bahasa yang strukturnya lebih dekat dengan struktur bahasa Melayu. Dan, bahasa Inggeris adalah model yang paling baik kerana "...*grammar* atau nahu Inggeris itu telah nyatalah terang dan lengkap keadaannya maka orang-orang Melayu semakin bertambah banyak belajar dan mengetahuinya dan nahu bahasa Melayu pun banyak ditulis oleh orang Inggeris dalam bahasanya sama ada baik atau tidak dari sebab itu boleh diambil jadi panduan dengan jalan kias sahaja." Walau bagaimanapun, HASMAN tetap berhati-hati dengan bahasa pedoman beliau kerana "...tidak boleh hanya mengikut atau tulen terjemah kelak bukannya jadi baik kepada bahasa Melayu tetapi semata-mata merosakkan dan jadilah bahasa Melayu keinggerisan ialah kacukan yang sangat dihelak."

Alasan utama yang diberikan HASMAN mengapa bahasa Inggeris dapat dijadikan pedoman yang baik dalam membina nahu bahasa Melayu kerana

"...yang memberi sedap tentang fikiran mengambil kias daripada *grammar* Inggeris iaitu berapa banyak orang yang pandai dalam karang-mengarang padahal ia mengerti akan nahu bahasa Inggeris maka karangannya itu jadi lebih molek susunnya dengan tiada ter cenderung kepada bunyi atau bawaan Inggeris, sedikit pun termaklum suatu perenggan kata Inggeris itu tak boleh digantungkan makna Melayunya seperti kaedah Arab dari sebab itu tidak boleh merosakkan bawaan Melayunya tetapi menambah kacak dan tegapnya kerana ada aturan dan hukum bagi lafaz-lafaznya itu.

Beliau seterusnya menyambung:

"bagi faham menjadikan jalan basa Melayu daripada kias nahu Arab dan *grammar* Inggeris antara keduanya itu ataupun menjadikan nahu Melayu bersendiri-sendiri yang demikian itu tiada apa-apa iktirat di sini kerana pengetahuan dan kepandaian manusia itu ada berbagai-bagai dikurniai Tuhan dan di mana diusahakan kelak mendapat tambahan pula tujuannya sama ada pada hendak menjadikan baik dan segala perselisihan itu dengan kuasa Tuhan pada suatu masa dengan seperihal datang dengan memakai jenis yang satu beramai-ramai."

Sebab itulah, pada HASMAN, tidak seperti RAH yang menjadikan acuan nahu Arab sebagai pedoaman nahu bahasa Melayunya, telah menggabungkan kaedah nahu bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu sebagai model nahu bahasa Melayu beliau. HASMAN secara jelas menulis mengenai hal ini sebagaimana berikut:

"Dan lagi molek jua diketahui iaitu buku ini bukannya semata-mata terjemah tetapi kerjanya ter cenderung kepada kaedah mengarang bunga yang dipetik dari kebun pihak Inggeris dan kebun pihak Melayu." (xxv)

Persoalaannya, apakah acuan sendiri yang difahami oleh kedua-dua pengarang cocok dengan takrif acuan sendiri dalam makalah ini? Analisis ringkas yang dipaparkan di atas menunjukkan penghayatan acuan sendiri yang terjelma dalam pengelasan kata oleh RAH dan HASMAN adalah dari dua arah: Arab dan Inggeris. RAH memakai acuan bahasa Arab disebabkan bahasa ini sangat akrab dengan sistem nilai yang dihayatinya iaitu Islam. Oleh sebab itu, acuan sendiri dalam nahu RAH dapat juga digelar sebagai nahu beracuan Melayu-Arab. Acuan ini berfungsi dalam ertian Melayu merujuk kepada bahasa dan Arab merujuk

kepada model nahunya. Bagi HASMAN pula, nahu beliau berasaskan acuan Melayu-Inggeris yang terjelma dalam karyanya atas tujuan pragmatis kerana menjadikan pengelasan kata menjadi lebih terperinci jika dibandingkan dengan yang terjelma dalam acuan Melayu-Arab.

Walau bagaimanapun, sistem nahu yang dibina oleh RAH dan HASMAN dalam ertian tersebut belumlah berupaya mencapai taraf acuan sendiri sebagaimana yang dimaksudkan pada bahagian awal makalah ini. Penjelmaan acuan sendiri dalam karya RAH dan HASMAN tiada lain daripada penerapan kaedah nahu bahasa lain untuk dipakai dalam pembinaan nahu bahasa Melayu. Penerapan sebegini masih merupakan tahap awal sesuatu proses untuk menjana ilmu beracuan sendiri, iaitu tahap mengambil kaedah nahu bahasa lain yang telah sedia ada, lantas disesuaikan sahaja dengan nahu bahasa sendiri. Ringkasnya makna acuan sendiri mengikut RAH dan HASMAN hanyalah “sendiri” dari segi pemakaian istilah kelas-kelas kata (RAH: *isim, fi'il, dan harf*; HASMAN: nama, perbuatan, sendi nama, sendi kata, seruan dan ibu kata) dan penyusunan parameter ayat (RAH: struktur ayat-ayat bahasa Arab; HASMAN: struktur ayat-ayat bahasa Melayu).

Keterbatasan Sistem Nahu Sebagai Pengukur Keberadaan Paradigma Acuan Sendiri

Namun, rumusan di atas boleh juga ditilik dari sisinya yang lain, iaitu ketidakcocokan nahu RAH dan HASMAN sebagai nahu beracuan sendiri mungkin terletak pada makna nahu yang dipakai di dalam makalah ini yang hanya terbatas pada pengelasan kata dan penyusunan parameter ayat. Persoalannya, adakah pengelasan kata khususnya atau sistem nahu amnya dalam sesebuah bahasa boleh dijadikan kayu ukur untuk melihat ilmu linguistik yang dijana menurut acuan sendiri? Persoalan ini perlu ditelusuri dengan melihat makna nahu itu dan sifat bahasa secara sejagat.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa makna nahu di dalam makalah ini mencakupi pengelasan kata yang akhirnya membantu dalam penyusunan parameter ayat-ayat. Perlu dinyatakan bahawa setiap bahasa di dunia memiliki pengelasan kata yang sejagat dan khusus bahasa tersebut. Sejagat dalam erti kata pengelasan perkataan dalam bahasa-bahasa dunia memiliki tiga unsur utama, iaitu menamakan benda (kata nama), menamakan perbuatan (kata kerja) dan menamakan sifat (adjektif); yang bersifat khusus untuk bahasa tertentu pula melibatkan unsur-unsur fungsional dalam sistem nahu seperti penanda gender, penanda kala, kata tunjuk, kata ganda dll. Memakai makna nahu dengan cara ini pastinya akan menolak adanya nahu mengikut acuan sendiri kerana pengelasan yang bersifat sejagat bererti semuanya ada dalam mana-mana bahasa pun.

Penyusunan parameter pula ialah penyisipan kelas-kelas kata dalam sesebuah ayat supaya menjadi ayat yang sempurna dari segi struktur dan bermakna. Para sarjana linguistik telah membahagikan bahasa-bahasa dunia mengikut penyusunan parameter begini: ada kelompok SKO, KSO dll. (S = subjek; K = kata kerja; O = objek). Perbezaan penyusunan parameter bererti perbezaan struktur. Perbezaan struktur ini cocok dengan makna nahu yang dipakai dalam makalah ini seperti yang diutarakan sebelum ini. Namun, parameter setiap bahasa tidak diperlihatkan secara individu tetapi secara kelompok. Ertinya, jika bahasa Melayu memiliki parameter SKO, maka bukan hanya bahasa Melayu yang memiliki parameter sebegini, tetapi turut dikongsi oleh bahasa-bahasa lain, bukan hanya bahasa dalam rumpun yang sama, Austronesia, malah bahasa rumpun yang berbeza pun. Bahasa Inggeris misalnya.

Jadi, apakah relevan perbezaan kelas kata dan penyusunan parameter dikaitkan dengan nahu acuan sendiri? Penjelasan di atas membuktikan bahawa makna nahu acuan sendiri yang cuba dijejaki dalam makalah ini yang dikaitkan dengan pengelasan perkataan dan penyusunan parameter kelihatannya tidak begitu relevan. Sebetulnya, makalah ini perlu bertolak daripada sesuatu yang lebih asasi lagi, iaitu dasar kepada pembentukan nahu yang merujuk kepada sesuatu tiada lain daripada falsafah kebahasaan yang dipegang oleh seseorang pengarang nahu sebelum beliau membina sistem nahunya.

Namun, penjejakan persoalan dasar itu masih lagi bermasalah kerana, setakat yang penulis ketahui dan fahami, ia tidak pernah dibahas dan dipermasalahkan oleh kalangan penahu Alam Melayu. Dari dahulu hingga sekarang, tradisi linguistik di Malayonesia masih lagi bersifat penerapan teori dan pendekatan sedia ada yang dibina berasaskan bahasa lain. Bahkan, debat mengenainya masih lagi berlanjutan. Antara preskriptif dengan deskriptif; antara teori dulu dengan data dulu; antara wacana dengan rumus tulis semula; antara data korpus dengan data buatan intuisi ahli bahasa; antara siapakah yang berhak menilai keupayaan berbahasa, ahli bahasa atau penggunaannya, dll.

Walau bagaimanapun, debat yang agak hebat dan panas ditambah dengan penggunaan lenggok bahasa kritikan yang keras yang berlaku di negara ini mengenai persoalan nahu yang lebih akrab dengan “linguistik bahasa jiwa bangsa” pernah dibangkitkan oleh Azhar Simin (1993) apabila beliau menolak dengan sekeras-kerasnya aliran nahu yang menjadikan rumus tulis semula ala nahu berdaya penjana (transformasi generatif) sebagai pencerminan tabii bahasa Melayu sebagaimana pegangan Tatabahasa Dewan. Beliau berpendapat, orang Melayu tidak pernah bertutur dengan membina rumus bermatematik terlebih dahulu. Sebaliknya, segala penggunaan bahasa oleh orang Melayu sangat bergantung kepada keperihalan keadaan/konteks (suasana, lawan bicara, bila, di mana).

Malangnya, debat yang berbangkit di atas tidak pernah menyentuh satu persoalan asasi: kita tidak pernah memikirkan semula makna “bahasa” supaya takrifnya sejalur menurut kebudayaan kita sendiri; sebaliknya kita hanya menerima takrif sedia ada yang diutarakan oleh para ahli bahasa yang jelas-jelas terbangun dari kebudayaan ahli-ahli bahasa tersebut. Mungkin keluhan Saussure (1988) mengenai kegagalan pendahulunya mentakrifkan objek pengkajian linguistik yang diungkapkan pada bahagian awal karya monumentalnya yang penting dimuhasabahkan. Ertinya, dengan memparafrasakan Saussure, kita perlu memikirkan objek pengkajian bahasa Melayu yang sebenarnya.

Memikirkan semula makna bahasa adalah perlu kerana pada andaiannya setiap kebudayaan dan tamadun memiliki konsepsi/tanggapan yang tersendiri mengenai bahasa seperti yang dibayangkan Heidegger dalam dialog terkenalnya dengan seorang pelawat Jepun di gubuk heningnya di Black Forest itu. Ertinya, bahasa bukan sekadar bahasa yang hanya sebatas bunyi, perkataan, ayat dan makna. Bahasa kelihatannya melampaui batas itu. Mungkin contoh yang digali daripada kebudayaan kita sangat berkaitan di sini. Misalnya, idea mengenai hubungan bahasa dengan akhlak, yang sering diungkapkan dalam kebudayaan Melayu, antaranya melalui ungkapan “tak reti/reti bahasa”; “orang berbudi, kita berbahasa”; “...yang molek itu budi, yang indah itu bahasa” dll. Persoalannya, bagaimanakah kita menteorikan hubungan ini? Dan bagaimanakah nahu dapat dibina daripadanya? Atau, dengan kata lain, bagaimana sebuah model nahu bahasa Melayu yang dapat menzahirkan hubungan bahasa dengan akhlak dapat dibina?

Jikalau diambil jawapan mudahnya, maka dapat dikatakan bahawa manusia Melayu bertutur atau memakai bahasa yang mematuhi peraturan nahu, misalnya mengikuti susunan perkataan yang betul, sebagaimana yang dirumuskan oleh Tatabahasa Dewan, iaitu A -> FN-FK; A = ayat; FN = frasa nama; FK = frasa kerja. Demikianlah model nahu bahasa Melayu menurut karya muktabar tersebut. Pengguna bahasa Melayu hanya perlu memasukkan perkataan-perkataan yang sesuai dengan peraturan itu, maka menjadilah bahasa Melayunya sempurna.

Namun, adakah kesempurnaan struktur itu membayangkan keelokan akhlak penggunaannya? Dari satu sisi, benar kerana lazimnya orang yang bertutur dan menulis dengan bahasa yang sempurna dari segi nahunya memang memiliki akhlak yang baik sebagaimana yang dinyatakan RAH di dalam *Bustan al-Katibin*. Namun, dari satu sisi lain, pematuhan kepada rumus demikian belumlah lagi membayangkan keelokan akhlak penuturnya. Di sini, dengan memparafrasakan pernyataan George Steiner (2001) "...muzik tidak pernah berkata tidak," maka begitulah juga bahasa, "...tidak pernah berkata tidak" kepada pemakainya, sama ada pemakainya itu adalah ustaz, artis, guru, profesor, bahkan tiran, pencuri sekalipun. Mereka semua ini masih tetap memakai bahasa yang mematuhi rumus tersebut. Namun, dengan berpedoman kepada Steiner lagi berdasarkan peristiwa hitam Eropah bahawa orang yang pada petangnya membaca Goethe dan Shakespeare serta mengiramakan puisi Holderlin, muzik Beethoven dan Schubert, pada sebelah paginya menghumban manusia ke Auschwitz dan Treblinka. Jadi, bagaimanakah kesempurnaan struktur nahu menjelmakan keelokan akhlak, masih tinggal tanda tanya.

Maka itu, disebabkan titik akhirnya masih lagi tanda tanya, justeru makna "bahasa" yang akrab dengan kebudayaan sendiri perlu difikirkan semula supaya lebih akrab dengan kebudayaan Melayu-Islam. Misalnya, bagaimanakah makna "bahasa" Melayu yang diikat oleh kebudayaan Melayu dan agama Islam itu nanti akan terjelma dalam suatu peraturan nahu yang sempurna? – adakah seperti nahu RAH yang menterjemahkan terus daripada nahu bahasa Arab agar ikatan keislamannya dengan bahasa Melayu tidak terputus? Atau dengan menggabungkan kaedah nahu berdasarkan bahasa-bahasa yang memiliki tradisi penulisan nahu yang agak lama seperti HASMAN? Pada hemat penulis, tanpa pemaknaan semula seperti yang dicadangkan ini, maka nahu dan, yang lebih besarnya, faham linguistik beracuan sendiri mungkin belum boleh dibina dengan bitaranya.

Kesimpulan: Beberapa Ruang Untuk Paradigma Acuan Sendiri Bernafas dalam Linguistik Bahasa Melayu

Jikalau acuan sendiri yang terjelma dalam nahu RAH dan HASMAN adalah peringkat awal dalam paradigma acuan sendiri, maka persoalannya apakah langkah seterusnya yang dikira wajar digerakkan supaya nahu beracuan sendiri dapat dijana dengan utuhnya bagi membayangkan hakikat sebenar bahasa Melayu? Ruangan yang ada mestilah berdimensi falsafah dan teoretikal kerana dimensi praktisnya kurang menyerlahkan keberadaan paradigma acuan sendiri sebagaimana yang dibincangkan. Berikut adalah beberapa ruang yang, pada hemat penulis, memerlukan daya pemberfikiran para bahasawan dalam usaha menjana ilmu linguistik beracuan sendiri:

1. Makna bahasa yang difahami dan dipersepsikan oleh kebudayaan Melayu darihal bahasa. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini bahawa penjelmaan pengertian bahasa yang disalut

kemas oleh kebudayaan Melayu melahirkan ilmu linguistik yang mungkin berbeza atau mungkin berupaya memperbaiki kelemahan teori-teori linguistik kontemporer. Misalnya, kita perlu mendialogkan makna bahasa sebagai *langue*, *parole* dan *langage* (Saussure) dengan bahasa/bhasa, kata/perkataan, cakap, bicara/wicara (yang sarat dengan ilmu menurut Wan Mohd Nor), loghat/dialek? Lisan (lidah? Lawan tulisan?), khabar/khabr dll. Selain itu, pemaknaan semula yang lebih akrab dengan kebudayaan sendiri seperti ini juga berupaya menentukan apakah yang sepatutnya menjadi objek analisis dalam linguistik Melayu.

2. Dalam linguistik, istilah sistem bahasa memang asasi. Persoalannya, apakah “sistem” bahasa Melayu; Adakah sama, antaranya, dengan aliran nahu berdaya penjana dan struktural? Dengan memikirkan semula makna bahasa sebagaimana (1) secara tidak langsung berupaya menghadirkan sebuah gambaran mengenai makna “sistem” bahasa Melayu.

Rujukan

- Azhar Simin. 1993. *Sintaksis Wacana Yang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar & Putten. 2005. Dalam Berkekalan Persahabatan: Surat Raja Ali Haji kepada Von der Wall. Jakarta: KPG Gramedia.
- Collins, J. T. 2005. *Bahasa Melayu Bahasa Dunia*. Jakarta: Penerbit Obor.
- Haji Md. Said Haji Suleiman. 1993. *Jalan Basa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim Harun. 2006. *Sejarah Linguistik: Nahu Bahasa Melayu Abad ke-17*. Tidak diterbitkan. Tesis Ph.D Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Koerner, E. F. K. 2004. *Essays in the History of Linguistics*. Amsterdam: John Benjamin Publishing.
- M. Alinor. 2012. Adityawarman sebagai ahli falsafah. Dlm. Hanafi (ed.). *Seminar ratusan tahun pengalaman Minangkabau-Negeri Sembilan*. Padang: KAGUM & FIB, UNPAD. Hlm. 45-56.
- Raja Ali Haji. 2010a. *Bustan al-Katibin*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- _____. 2010b. *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Reid, A. 1992. *Asia Tenggara dalam Kurun Niaga 1450-1680*. Jil. 1. Jakarta: Yayasan Obor.
- Saussure, F. d. 1988. *Pengantar Linguistik Umum*. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada Press.
- Shaharir M. Zain. 2013. *Muncul-Lesapnya Konsep dan Istilah Asli Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu Sebelum Abad ke-20 Masihi*. Makalah yang dibentangkan dalam Wacana Keterlestarian Ilmu siri 3 di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 30 Mei 2013.
- _____. 2012. *Berakhir Sudahkah Ilmu dalam Acuan Sendiri?* Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, UM.
- _____. 2010. *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Kuala Terengganu: UMT.
- Sharan, M. K. 1974. *Studies in Sanskrit Inscriptions of Ancient Cambodia*. New Delhi: Abhinav Publications.
- Steiner, G. 2001. *Grammar of Creation*. Oxford: Oxford University Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Teeuw, A. 1960. *A Critical Survey of Studies on Malay and Bahasa Indonesia*. The Hague: Martinus Nijhoff.